

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5. 1 PENDAHULUAN**

Antara objektif kajian ini ialah (1) mentransliterasikan teks kitab perubatan MSS 2502 serta latar struktur karya dari aspek sejarah, deskripsi teks dan literasi teksnya, (2) mengkategorikan jenis-jenis penyakit demam yang dicatatkan di dalam MSS 2502. Selain itu, kajian ini juga berusaha untuk (3) menganalisis dan merumuskan kaedah rawatan penyakit demam berdasarkan MSS 2502. Bab ini akan membincangkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi daripada perspektif keseluruhan kajian yang dijalankan. Selain itu bab ini juga akan mengetengahkan beberapa cadangan yang mungkin boleh diberikan pertimbangan terhadap kajian-kajian dalam bidang berkaitan.

#### **5. 2 KESIMPULAN**

Penulisan manuskrip dapat dilihat kewujudannya apabila terdapat banyak nukilan idea dan bidang ilmu yang berbeza telah dibincangkan seperti ilmu matematik, ilmu perubatan, ilmu kesenian, ilmu hikayat, ilmu sains, dan lain-lain lagi. Variasi perbincangan bagi setiap genre ilmu yang berbeza ini jelas melambangkan ketinggian intelektual yang dimiliki oleh masyarakat dahulu. Disamping itu, penulis juga mengetengahkan idea-idea dalam kitab Tib yang bertujuan untuk melihat konsep kesihatan dan juga pemilihan materia medika yang dipegang oleh kebanyakan pengamal

perubatan Melayu yang mana boleh menjadi sandaran kepada rawatan alternatif pada hari ini.

Selain itu, perbahasan ini juga telah menyentuh mengenai deskripsi teks iaitu mengenai cara penulisan setiap baris dan lain-lain sifat berkenaan manuskrip. Teks manuskrip ini tidak menyatakan tentang biografi atau latar belakang penulis. Walaupun manuskrip ini tidak dinyatakan siapakah penulisnya, ilmu yang disampaikan amatlah berharga kerana rakaman data yang ditekankan oleh teks ini telah menyebut tentang penyakit-penyakit bersama preskripsi yang jelas. Antara penyakit-penyakit yang dicatatkan di dalam manuskrip ini berserta dengan kaedah dan rawatan tertentu adalah penyakit demam, ubat panau, ubat sopak, penyakit tangan atau kidal, ubat penjagaan kesihatan tubuh badan, racun atau bisa dalam tubuh, ubat mata, telinga, rawatan bisa haiwan, penyakit berkaitan perempuan, beranak dan selusuh, sarir perempuan, meroyan, ubat bentan, ubat hawas / haus, ubat letih, cara berbuat makjun, rawatan bagi kanak-kanak dan budak, sawan, penyakit gila dan sembu serta lain-lain penyakit.

Di dalam manuskrip MSS 2502 ini juga didapati terdapat banyak unsur-unsur tahyul dan khurafat yang digunakan sangat jelas apabila terdapat catatan mengenai tangkal dan azimat yang dinyatakan di dalam teks yang mana kebanyakannya terdapat dalam kaedah merawat kanak-kanak dan budak, rawatan bagi perempuan, beranak dan selusuh serta rawatan bagi penyakit gila dan sembu. Teks Manuskrip MSS 2502 ini juga menggunakan sistem yang teratur dengan memulakan sesuatu bab atau fasal yang baharu dengan penggunaan penanda wacana “sebagai lagi” dan “fasal pada menyatakan ubat” yang konsisten menandakan permulaan pada sesuatu bab atau fasal. Dengan pembahagian bab menggunakan penanda wacana seperti ini menyenangkan pembaca,

selain membahagikan bab secara sistematik walaupun tiada perenggan pada penulisan manuskrip ini.

Dari aspek perbincangan mengenai kaedah rawatan penyakit demam pula, penulis mendapati bahawa terdapat tiga jenis kelompokan penyakit demam yang dibicarakan iaitu demam sediakala, demam kepialu dan demam kura yang juga merujuk kepada demam Malaria. Perkara ini di analisa berdasarkan kepada analisis semasa terhadap teks tersebut dan simptom-simptom yang dihadapi pesakit. Terdapat beberapa simptom yang jelas yang mana setiap satu penyakit ini mempunyai kebersamaan iaitu akan menunjukkan tanda peningkatan suhu badan, sakit badan, sakit sendi, berpeluh, menggigil dan loya. Walaubagaimanapun, disebabkan terdapat perbezaan juga kepada beberapa simptom yang dipunyai oleh setiap satu penyakit ini menyebabkan terdapat beberapa cadangan atau preskripsi rawatan yang berbeza oleh penulis kitab dengan rawatan yang dicadangkan sebagaimana yang telah dinyatakan. Berdasarkan kepada analisa dilakukan oleh penulis juga, kajian mendapati bahawa bagi keseluruhan penyakit demam yang dibicarakan di dalam bab ini, penulis MSS 2502 telah menggunakan sebanyak 38 jenis herba dan tumbuhan, empat jenis haiwan yang mana ia menggunakan bahagian-bahagian tertentu sahaja iaitu kulit harimau, tanduk lembu, darah ayam, dan hempedu landak serta bahan-bahan bukan vegetatif yang lain seperti cuka, susu, madu, arak, besi, air bermalam dan lain-lain bahan seperti dinyatakan di preskripsi di atas. Berdasarkan pandangan penulis, ada sebahagian daripada herba-herba dan tumbuhan tersebut amat mudah didapati di sekitar rumah dan di pasaran seperti bawang merah, serai, kunyit, cekur, sirih, limau purut dan sebagainya. Penggunaan flora yang terdapat di sekeliling rumah misalnya bukan sahaja menjimatkan tenaga dan masa, malahan terjamin kebersihannya kerana berada di depan mata dan tidak dicemari

dengan racun serangga dan bahan kimia lain. Seseengah herba dan tumbuhan yang lain mungkin agak sukar untuk ditemui dan memerlukan kepakaran dan keahlian dalam mengenalpasti herba-herba yang menyebabkan perawat perlu meneroka hutan untuk mendapatkan herba-herba atau tumbuhan tersebut seperti cendana, dan lain-lain yang digunakan oleh perawat. Daripada huraian ini, jelaslah bahawa masyarakat dahulu banyak bergantung kepada tumbuh-tumbuhan dalam perubatan tradisional mereka. Masyarakat dahulu percaya setiap jenis tumbuhan mempunyai khasiat dan memberi manfaat kepada kesihatan mereka. Tumbuh-tumbuhan bukan sahaja digunakan untuk merawat dan mengubati penyakit, malah ia juga dijadikan sebagai satu kaedah untuk mencegah penyakit. Selain itu, penggunaan haiwan dan bahagian-bahagiannya (zooterapi)<sup>422</sup> juga menjadi salah satu bahan dalam merawat demam. Kebanyakan masyarakat Melayu menggunakan haiwan bagi tujuan perubatan tradisional. Bahagian dan campuran yang diperolehi daripada haiwan banyak digunakan bagi rawatan pelbagai jenis penyakit dan mengatasi masalah kesihatan manusia. Penggunaan bahan rawatan asli yang terdiri daripada flora dan fauna secara teratur atas nasihat pihak tertentu dapat membantu masyarakat merawat pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh faktor fizikal atau spiritual. Walaubagimanapun penggunaan bahan-bahan tersebut tidak boleh secara sewenang-wenangnya digunakan kerana dikhuatiri akan memudaratkan kesihatan. Variasi perbincangan bagi setiap genre ilmu penyakit yang berbeza ini jelas melambangkan ketinggian intelektual yang dimiliki oleh masyarakat dahulu dan dapat disimpulkan bahawa demam yang muncul sebagai salah satu simptom utama bagi penyakit tropika yang ada pada waktu pemerintahan British terdahulu, sebenarnya telah

---

<sup>422</sup> Siti Zubaidah et al. "Penggunaan Haiwan Bagi Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Pribumi Di Asia: Satu Ulasan". *Malaysia Journal of Society and Space*. 2012. h. 53.

mendapat sumbangan secara tidak langsung daripada masyarakat Melayu yang berusaha untuk merawat sendiri penyakit demam berdasarkan kepada kefahaman mereka terhadap herba-herba di Alam Melayu ini. Sehingga akhirnya, mereka mampu mencipta preskripsi-preskripsi yang kemudiannya apabila dibawa ke peringkat eksperimentasi di makmal untuk pembuktian, terbukti bahawa kajian mereka sebenarnya baik dalam proses untuk merawat penyakit demam. Diharapkan akan adanya kajian-kajian seterusnya yang akan memberi kesinambungan terhadap tajuk ini. Harapan penulis agar kajian ini mampu untuk memberi sumbangan dan pengetahuan terhadap khazanah ilmu manuskrip di samping membuktikan bahawa perubatan tradisional berdasarkan manuskrip juga merupakan salah satu sumber rujukan dalam bidang perubatan alternatif masa kini asalkan tidak bertentangan dengan kitab suci Al-Quran Al-Karim yang merupakan sumber rujukan utama dalam kehidupan manusia.

Dan semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan segala usaha ini diberkati oleh Allah s.w.t. Akhir sekali diharapkan juga kajian ini dapat menjadi pemangkin yang kukuh ke arah perkembangan dan pemeliharaan manuskrip perubatan Melayu agar kekal sebagai aset yang sangat bernilai kepada bangsa dan budaya Melayu serta dapat membantu pengkaji dan penulis lain yang berminat untuk terus menyumbang ilmu dan tenaga bagi menghidupkan kajian manuskrip Melayu terutamanya manuskrip perubatan.

### **5.3 LIMITASI KAJIAN**

Terdapat beberapa permasalahan lain yang dihadapi penulis sepanjang kajian dijalankan. Antaranya, kajian penulis menghadapi limitasi kajian membabitkan pembacaan manuskrip. Secara keseluruhan, penulisan manuskrip ini agak kemas dan

mudah dibaca. Hanya terdapat sebahagian tulisan tidak dapat dibaca dan dianalisis dengan jelas dan baik akibat penulisannya hilang dan pudar, serta tulisannya yang agak rumit untuk dibaca. Penulis juga tidak mampu untuk mengesahkan preskripsi atau ramuan secara menyeluruh sebagai satu ramuan yang lengkap dalam merawat penyakit yang dinyatakan. Setakat ini, kajian yang dinyatakan hanya mampu mengesahkan manfaat satu ramuan atau preskripsi berdasarkan transliterasi lengkap sahaja. Meskipun begitu, ia tidak menjejaskan proses analisis yang perlu dilakukan oleh penulis. Selain itu, penulisan menjadi agak rumit untuk dibaca kerana penulis manuskrip melukis dan mencatat gambar rajah dan pelbagai jenis tangkal yang tidak dapat difahami dengan teliti serta bertindih atau tidak selari dengan tulisan.

#### **5. 4 SARANAN / CADANGAN**

Kajian mengenai tumbuhan dan preskripsi yang dilakukan terhadap manuskrip MSS 2502 ini merupakan sesuatu yang perlu dikaji. Disebabkan itu penulis amat berharap serta mengalu-alukan pengkaji seterusnya meneruskan kajian mengenainya yang masih banyak boleh diterokai melalui manuskrip perubatan. Berdasarkan kajian ini penulis melihat antara sisi yang boleh diketengahkan lagi untuk dikaji adalah;

- a. Aspek fauna yang digunakan dalam perubatan. Ini kerana penulis membuat transliterasi teks dan mendapati terdapat beberapa penyakit selain dari demam yang dirawat menggunakan bahagian-bahagian haiwan yang tertentu. Seterusnya pengkaji juga boleh menyentuh perbandingan dengan manuskrip perubatan yang lain seperti Kitab Ilmu Perubatan (MS 47, MS 33, atau MSS 1653). Sudah pastinya akan terlihat kesinambungan di antara manuskrip perubatan tradisional ini.

- b. Perbincangan keseluruhan mengenai pantang larang dalam menggunakan tumbuhan. Ini kerana terdapat beberapa pantang larang dalam pengambilan tumbuhan, sama ada waktu pagi atau malam.
- c. Perbincangan mengenai jenis-jenis penyakit mengikut spesifikasi bahagian-bahagian yang tertentu seperti; penyakit di bahagian kepala, penyakit di bahagian muka, penyakit kulit, penyakit di bahagian perut, rawatan penyakit bagi kanak-kanak dan lain-lain.
- d. Kerjasama semua pihak yang terlibat dalam usaha mengkaji manuskrip perubatan Melayu. Ia perlu kepada individu yang mahir membaca dan menulis jawi, terutamanya pelajar pengajian Islam yang sudah tentu mempunyai asas bacaan tulisan jawi. Ini kerana kebanyakan usaha tidak tentu arah dan tidak diselaraskan berikutan turun naiknya minat dan usaha orang Melayu dalam pembacaan tulisan jawi.